



قُسْتِ بَخْسَانِ إِي - كَلْجَاهَن

PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
E-GOVERNMENT NATIONAL CENTRE

JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SURAT PEMBERITAHUAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
BILANGAN 1/2010

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
Negara Brunei Darussalam

Pengiran/Pehin/Dato/Tuan/Puan

PERMOHONAN LAPORAN PEMERIKSAAN TEKNIKAL (TIR) PERALATAN-PERALATAN IT
YANG DIPOHONKAN UNTUK DIHAPUSKAN DARI KIRA-KIRA

Dengan hormatnya merujuk Surat Pemberitahuan Jabatan ini bilangan 7/2009 bertarikh 17 Syaaban 1430/8 Ogos 2009 mengenai perkara di atas.

2. Sehubungan itu, sukcita dikemaskinikan tentang perkara-perkara berikut:
 - i. Peralatan-peralatan IT yang dimaksudkan ialah komputer, *notebook/tablet PC, printer, server, switches, scanner, plotter, UPS, routers/network hub* serta aksesori komputer seperti *modem, headphone, microphone* dan tetikus.
 - ii. Proses-proses yang terlibat bagi permohonan tersebut adalah seperti berikut (sila rujuk Lampiran 1):
 - a. Kementerian / Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan bagi mendapatkan Laporan Pemeriksaan Teknikal (TIR) peralatan-peralatan IT yang akan dihapuskan dari kira-kira ke Pusat Teknologi Maklumat (PTM) Kementerian masing-masing.
 - b. PTM akan melantik pegawai-pegawai pemeriksa yang terdiri dari pegawai-pegawai IT Jabatan ini dalam Bahagian III dan/atau IV yang di tempatkan di Kementerian atau di salah sebuah Jabatan di Kementerian masing-masing. Pegawai-pegawai pemeriksa tersebut adalah bukan terdiri dari pegawai-pegawai IT yang bertugas di Kementerian atau Jabatan yang memohon laporan TIR berkenaan.
 - c. Pegawai-pegawai pemeriksa akan membuat pemeriksaan teknikal ke atas peralatan-peralatan berkenaan dan mengisikan borang TIR (Lampiran 2).
 - d. TIR yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh PTM beserta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dihadapkan ke Pusat Kebangsaan E-Kerajaan untuk pengesahan.

- e. Dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan akan dikembalikan kepada PTM Kementerian pemohon, siapa yang akan menghadapkannya kembali kepada Kementerian/Jabatan yang memohon .
- f. Semua Kementerian/Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan penghapusan peralatan-peralatan IT (beserta Laporan Pemeriksaan Teknikal) kepada :

Pengerusi Lembaga Pemeriksa Tetap
d/a : Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara
Tingkat 5, Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910

Nota: Permohonan penghapusan tersebut hendaklah menyertakan :

- i. Senarai barang
- ii. Gambar bewarna barang berkenaan
- iii. Salinan asal Laporan Pemeriksaan Teknikal Peralatan IT.


3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada:

Unit Pemerolehan,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan
Simpang 21-69-18
Jalan Perindustrian Beribi
Gadong BE1110
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Nombor Telefon: 2426744, Fax: 2424940
E-Mel: procurement@egc.gov.bn

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman dan perhatian Tuan Peramba/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan mengenainya.

والسلام

"ANAK KITA MASA DEPAN KITA"



(HAJI AZHAR BIN HAJI AHMAD)

Pengarah

Rujukan Kami : (1) EGNC/SK/1
Tarikh : 18 Muharram 1431H
: 4 Januari 2010M
s.k Timbalan Setiausaha Tetap 2, Jabatan Perdana Menteri